



AGAMA DAN KEPERCAYAAN DI MALAYSIA

PENERIMAAN KEPELBAGAIAN AGAMA DAN KEPERCAYAAN

1 Islam

Wajib menunaikan solat lima waktu sehari. Wajib berpuasa pada bulan Ramadhan selama sebulan

2 Buddha

Melakukan perkara yang baik dan meninggalkan perkara yang jahat. Bersembahyang di wat

3 Hindu

Percaya kepada hukum karma yang bermaksud, jika berbuat baik, maka balasan baik akan diterima

4 Kristian

Boleh bersembahyang secara bersendirian. Mereka juga bersembahyang secara beramai-ramai di gereja pada hari Ahad

5 Tao

Mementingkan keharmonian hidup dengan alam semesta

6 Konfusianisme

Menekankan sifat berperikemanusiaan. Mengamalkan prinsip hormat-menghormati antara yang muda dan yang tua

PELBAGAI KEPERCAYAAN DI NEGARA KITA

1 Orang Asli

Diwarisi turun-temurun. Berkait rapat dengan alam sekitar

2 Kadazandusun

Percaya kepada Kinorohingan yang dipercayai mempunyai Tuhan. Percaya kepada semangat padi dengan memuja semangat padi

3 Bajau

Kepercayaan yang diwarisi daripada nenek moyang. Contohnya upacara ngeduang atau duang rumah, iaitu tuan rumah atau ahli keluarga si mati akan menjamu makanan kepada tetamu

4 Iban dan Melanau

Mengamalkan adat turun-temurun. Contohnya, apabila ingin mendirikan rumah, kawasan tanah hendaklah disemah terlebih dahulu untuk mengusir roh-roh jahat. Mengadakan upacara miring, iaitu upacara berdoa kepada Tuhan

5 Bisaya

Percaya kepada kuasa-kuasa ghaib. Contohnya, sebelum membuka sesebuah kawasan pertanian, mereka akan membaca jampi mentera untuk mengelak gangguan kuasa ghaib

ISLAM AGAMA PERSEKUTUAN

1. Malaysia ialah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan bercorak demokrasi.
2. Perkara 3:
Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa "Islam ialah agama bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan".
3. Kandungan Perlembagaan bermaksud, walaupun Malaysia telah memperuntukkan Islam sebagai agama Persekutuan, penganut agama lain bebas mengamalkan agama dan kepercayaan masing-masing.
4. Yang di-Pertuan Agong ialah ketua agama Islam pada peringkat Persekutuan, negeri baginda sendiri, negeri yang tidak beraja dan Wilayah Persekutuan.
5. Raja atau Sultan dan Yang di-Pertuan Besar pula ialah ketua agama Islam bagi negeri baginda masing-masing.
6. Pembinaan rumah ibadat dan pelaksanaan aktiviti keagamaan boleh dilakukan. Sebagai menghormati amalan beragama di Malaysia, sambutan perayaan keagamaan diberi cuti umum.

RUMAH IBADAT DAN ADAB DI RUMAH IBADAT

1 Masjid

- Memakai pakaian yang bersih, sopan dan menutup aurat
- Menanggalkan kasut sebelum memasuki masjid
- Menghormati jemaah yang sedang beribadat

2 Wat

- Memakai pakaian yang sopan
- Menanggalkan kasut sebelum masuk ke dalam wat
- Memberikan tumpuan ketika beribadat

3 Kuil

- Menanggalkan kasut sebelum masuk ke perkarangan kuil
- Membasuh kaki sebelum masuk ke kuil
- Memberikan tumpuan semasa sami menjalankan upacara keagamaan

4 Gereja

- Mendengar ucapan paderi dengan senyap dan hormat
- Memberikan sumbangan ikhlas
- Tertib dan bersopan

5 Tokong

- Memakai pakaian yang sopan
- Melakukan upacara pemujaan dan penghormatan mengikut aturan

6 Gurdwara

- Menanggalkan kasut sebelum masuk ke gurdwara
- Berpakaian sopan dan menutup kepala
- Melakukan penghormatan kepada buku suci Guru Granth Sahib apabila masuk dan sebelum keluar dari gurdwara

KEPENTINGAN AMALAN BERAGAMA DAN KEPERCAYAAN DALAM MASYARAKAT

1. Supaya hidup aman dan sejahtera
2. Menjadi manusia yang baik
3. Agar hidup ada matlamat dan percaya kepada pembalasan
4. Supaya saling menghormati dan tidak memandang rendah kepada golongan agama lain
5. Supaya setiap manusia lebih bertanggungjawab
6. Berlaku adil kepada manusia, alam dan haiwan